

A REVIEW STUDY OF HADITH RELATED TO OTHER NAMES FOR SURAH AL-MULK IN THE TAFSIR MAUDU'I COURSE IN USIM

ANALISIS HADIS BERKAITAN NAMA LAIN BAGI SURAH AL-MULK DALAM KURSUS TAFSIR MAUDU'I DI USIM: SATU KAJIAN TINJAUAN

Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Syed Najihuddin Syed Hassan, Nidzamuddin Zakaria, Mahsor Yahya & Walid Mohd Said

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,

Abstract

The hadith is a major source for issuing laws after the Qur'an and is the Prophet SAW's legacy. The development of Islamic religion has been so rapid that it has produced many great scholars, particularly in the Malay archipelago, who derive their knowledge from the Quran and Hadith. The aim of this study was to identify and evaluate the hadith stating the other names for al-Mulk Verse, as well as its status and content taught in the Tafsir Maudu'i course at the Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). This study will also provide general exposure to some verses from Surah al-Mulk, as well as its benefits. This study employs a method of library research. The research findings can provide students and the general public with a more in-depth understanding of the science of hadith and its position.

Keyword: Hadith study, Names of Al-Mulk Verse, Tafsir Maudu'i.

Abstrak

Hadis itu adalah satu sumber utama dalam mengeluarkan hukum selepas al-Quran dan merupakan warisan peninggalan Rasulullah SAW. Perkembangan agama Islam yang begitu pantas ini telah berjaya melahirkan ramai ilmuan dan cendekiawan yang hebat khususnya di Tanah Melayu berasal dari sumber al-Quran dan hadis. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis hadis yang menyatakan nama-nama yang lain bagi Surah al-Mulk dan kedudukan hadis dan kandungannya yang diajarkan dalam kursus Tafsir Maudu'i di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Penulis Utama:

Abdulloh Salaeh

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

E-mel:

abdulloh@usim.edu.my

Justeru, kertas kerja ini akan menghuraikan kedudukan sejumlah hadis berkaitan nama-nama Surah al-Mulk serta kajian hadis-hadis tersebut hadis yang mana di dalamnya terkandung hadis yang sahih, hasan, da‘if dan lain-lain. Kajian ini juga akan dapat memberikan pendedahan umum tentang beberapa ayat dalam surah al-Mulk serta kelebihannya. Kajian ini menggunakan kaedah berbentuk penyelidikan kepustakaan. Hasil kajian ini dapat mendedahkan tentang ilmu hadis, kedudukannya secara yang lebih tuntas lagi untuk para pelajar dan orang awam.

Kata kunci: Kajian hadis, Nama-nama Surah Al-Mulk, Tafsir Maudu’i.

PENDAHULUAN

Sumber utama ajaran Islam sebagaimana dimaklumi adalah al-Quran. Kitab suci ini yang turun dari langit perantaraan malaikat Jibril AS kepada Nabi Muhammad SAW, maka kitab ini memiliki kekuatan luar biasa yang berada di luar kemampuan apapun¹. Penurunan al-Quran itu sendiri bermatlamat untuk mendidik manusia², malah bagi kaum Muslimin al-Qur'an adalah kalamullah yang merupakan sumber petunjuk bagi manusia dalam menjalankan segala urusan di muka bumi. Sebagai petunjuk yang memandu kehidupan, setiap manusia harus berusaha memahaminya dengan baik, kerana itu memahami dan mengkaji al-Quran adalah penting dan salah satu caranya melalui tafsir³. Tafsir adalah satu sumber yang penting untuk memahami al-Quran berkata mustafa muslim tafasir itu ialah“ ilmu yang menerangkan dengannya makna-makna ayat al-Quran dan murad sekira-kira mampuan manusia”⁴.

Hadis Nabi Muhammad SAW adalah sumber yang kedua selepas al-Quran yang menjadikan didikan dan rujukan hukum syariah kepada umat islam seluruhnya. Dan juga hadis Nabi Muhammad SAW menerangkan ayat-ayat al-Quran yang menjadi mujmal seperti mana Nabi Muhammad menerangkan masalah solat yang mana di dalam al-Quran, firman Allah SWT (أَقِيمُوا الصَّلَاةَ) tiada menyebut tentang rakaat dan waktu. Nabi Muhammad menerangkan dengan perkataan dan perbuatannya⁵ dan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Solat oleh kamu seperti mana kamu lihat aku solat ⁶.

Dapat disimpulkan hadis di atas bahawa apabila ayat-ayat al-Quran menjadi mujmal dan tiada dalam Quran maka hadis itu menjadi penerangan maksud dan hadaf tersebut dengan hadis Nabi Muhammad SAW.

¹ Adnan, Taufik. 2005. Rekonstruksi Sejarah al-Qur'an, Jakarta Putaka al-Vabet, h1.

² Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin, 2012. Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, Jurnal Hadhari Special Edition, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 7.

³Ahmad Soleh Sakni. 2013. Model Pendekatan Tafsir Dalam Kajian Islam. Jurnal Ilmu Agama Mengkaji Doktrin, Pemikiran, dan Fenomena Agama. Fakultas ushuluddin dan Pemikiran Islam Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang h.61-62.

⁴ Mustafa muslim, 1426h. Mabahis fi tafsir al mudhui, dimas, daru al qalam.t.4, h 15.

⁵ Subhi Saleh, 2000. Mabahis Fi Ulum Al Quran, daru al ilmi lilmalayin, h 310. Manak Al-Qutan, 2000. Mabahis Fi Ulum Al Quran, Maktabah Lilma'rif Linasyar Watauzik, t.t, Juz 1, h 20.

⁶ Muhamad Bin Ismail. 1987h. Al Jamik Al Sahih Al Mukhtasar, Darul Ibnu Kasir, Al Yamamah, Beirut, Juz 1. H 226. Hadis N. 605.

PENGERTIAN TAFSIR MAUDU'I:

Kalimah maudu'i (موضعی) berasal daripada Bahasa Arab *wada'a* (وضع) iaitu dari huruf (ع - ض - و) yang bererti meletakkan tangan ke dalam sesuatu, menjadikan, mendustakan atau mereka-reka⁷. Terdapat banyak kalimah *wada'a* (وضع) didalam al-Quran, seperti firman Allah SWT dalam ayat 96 surah Ali 'Imran yang bermaksud:

Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhan) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.

Dan firman Allah SWT dalam ayat 36 surah Ali 'Imran yang bermaksud:

Maka ketika melahirkannya, dia berkata, "Ya Tuhan, aku telah melahirkan anak perempuan"...

Dapat disimpulkan dari ayat al-Quran di atas bahawa kalimah (وضع) itu berbeza pada maknanya mengikut karinah masing-masing oleh itu mereka yang nak faham makna ayat al-Quran perlu kepada arif dalam ilmu tafsir sama ada makna itu khusus atau makna am.

Tafsir Maudu'i ialah satu bentuk tafsir yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran mengenai satu tajuk, tema atau bahagian yang khusus dan tertentu. Ayat-ayat tersebut kemudiannya disusun mengikut tertib sebab penurunannya, kemudian menjelaskan pengertian ayat, hubungan sesebuah ayat dengan ayat yang lain dan akhirnya dinyatakan kesimpulan tentang hukum-hukumnya.⁸

Menurut Abbas Awad, istilah 'Tafsir Maudu'i' ialah pengumpulan ayat-ayat al-Quran yang membincangkan mengenai satu topik, tajuk atau tema yang sama Kemudian, semua aspek yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut dijelaskan dan diperincikan. Seterusnya, didatangkan pendapat para ulama mufassirin mengenai ayat yang berkaitan dan akhir sekali, dikeluarkan istinbat, hukum-hakam dan kesimpulan daripadanya.⁹

TAJUK-TAJUK DALAM SUBJEK TAFSIR MAUDU'I DI FPQS :

المبحث	الموضوع
المبحث الأول	المدخل إلى التفسير الموضوعي
المبحث الثاني	الخطوات المرحلية للسير في التفسير الموضوعي وقواعد منهجية للبحث
المبحث الثالث	علم المناسبات والتفسير الموضوعي
المبحث الرابع	الجهل من خلال الآيات القرآنية
المبحث الخامس	الجاهل والجاهلون في السياق القرآني

⁷Muammad ibn Mukarram. t.t. *Lisan al-'Arab*. Dar al-Sadir, Juz8 h. ٣٩٦.

⁸Abd al-Hayy al-Farmawi. 1968. Mu'jam al-alfaz wa al-A'lam Al-Qur'aniyah. Dar al-'Ulum, Kairo, h. 52.

⁹Abas Awad Allah Abas. 2007. Muhadharat fi Tafsir Maudhu'i. Darul Fikru. h.19.

صيغة المبالغة والمصدر السمعي (جهالة) في السياق القرآني	المبحث السادس
جاهلية في السياق القرآني	المبحث السابع
الشوري في القرآن الكريم	المبحث الثامن
وقائع من الشوري في القصص القرآني	المبحث التاسع
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة قرآنية (سورة الملك) (بين يدي السورة)	المبحث العاشر
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك (مناسبات السورة لما قبلها وما بعدها)	المبحث الحادي عشر
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك (دروس السورة والتنسيق بينها)	المبحث الثاني عشر
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك (من لطائف السورة)	المبحث الثالث عشر

TAKRIF SURAH AL MULK:

Mengikut susunan dalam 114 Surah maka al-Mulk merupakan surah yang ke-67 di dalam kitab al-Quran al-Karim dan terdiri daripada 30 ayat. Kata setengah Ulama 31 ayat ¹⁰ sebelum ayat (قالوا بَلَى فَدْ جَاءَنَا نَذِيرٌ) ¹¹, Para ulama' telah bersepakat bahawa surah ini dikategorikan sebagai surah Makkiyyah¹².

KELEBIHAN SURAH AL MULK.

Disebut oleh Al-Imam Jalaluddin As-Suyuti rahimahullah, dalam kitab al-Itqan kelebihan membaca surah al mulk¹³ dan juga disebut oleh Ahmad bin Ali al-Razi al-Jassas¹⁴, dalam tafsirnya terdapat juga dalam kitab Mausu'ah Ulum al-Quran¹⁵ dan datang hadis dari Abi Hurairah r.a sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

¹⁰ Surah Al Mulk Ayat 9.

¹¹ Jalaluddin As-Suyuti, 1974. Al-Itqan Fi 'Ulum al-Qur'an, al haiah al am'mah al misriah lilkutub, juz 1, h 237.

¹² Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur. 2000. Al-Tahrir wal al-Tanwir. Beirut, al-Muassasah al-Tarhib al-'Arabi, juz12, h.7.

¹³ Ibid, Jalaluddin As-Suyuti, juz 1, h 237.

¹⁴ Ahmad bin Ali al-Razi al-Jassas, 1405h. Ahkam al-Quran, daru ihyat al turas al arab, beirut. juz 1, h 11.

¹⁵ Abdul Qadir Muhamad Mansur, 2002. Mausu'ah Ulum al-Quran, Darul Al Qalam Al arabi, juz 1, h 218.

Sesungguhnya didalam al-Qur'an ada surat yang berisi 30 ayat yang dapat memberi syafaat kepada seseorang atau yuannya hingga diampuni dosa-dosanya. Surah tersebut adalah tabarokalladzi biyadihi almulk.¹⁶

Dan datang hadis lain dari anas bin Malik berkatakan sebeda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Ada surat dalam AlQuran, ia hanya terdiri dari 30 ayat, Surat tersebut dapat membela 'temannya' sehingga memasukkannya ke surga, yaitu: Surat Tabarak¹⁷.

SURAH INI MENGANDUNGI BEBERAPA ISI PENTING YANG DIBINCANGKAN IAITU:

- i. Kehidupan satu bentuk ujian bagi manusia dan kematian adalah tempat balasan dan pahala selepas ujian¹⁸.
- ii. Allah SWT menciptakan langit dengan berlapis-lapis dan setiap ciptaan-Nya mempunyai keseimbangan, oleh itu manusia disarankan agar sentiasa berfikir¹⁹.
- iii. Allah SWT memerintahkan manusia untuk sentiasa memerhatikan seluruh isi alam semesta.
- iv. Ancaman azab kepada orang-orang yang kafir.
- v. Janji Allah SWT kepada orang-orang yang beriman.
- vi. Allah SWT menjadikan bumi agar dapat dimanfaatkan oleh manusia dan memperoleh rezeki daripada hasil bumi.
- vii. Peringatan Allah SWT kepada manusia mengenai sedikitnya golongan manusia yang mensyukuri nikmat Allah SWT .

CONTOH TAKRIJ HADIS HADIS BERKAITAN NAMA LAIN BAGI SURAH AL-MULK DALAM KURSUS TAFSIR MAUDI 'I

Dalam surah al mulk terdapat beberapa pendapat mengenai pengertian untuk nama surah ini iaitu:

- i. Al-Mulk yang bererti 'kerajaan'
- ii. Al-Tabarak bererti 'MahaSuci'
- iii. Al-Manjiah yang bermaksud 'najah' iaitu melepas daripada seksaan azab kubur
- iv. Al-Mujadalah iaitu 'sesiapa yang membaca surah ini akan dapat menjawab soalan malaikat munkar dan nakir di dalam kubur.'

Hadis Pertama

أَن رجلاً مِّن أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ضَرِبَتْ خَبَائِيْرٍ عَلَى قَبْرٍ وَّاَنَا لَا أَحْسَبُ أَنَّهُ قَبْرٌ، فَإِذَا فِيهِ إِنْسَانٌ (دَفِينٌ) يَقْرَأُ سُورَةَ تَبَارَكَ الْمَلَكُ حَتَّىْ خَتَمَهَا.

¹⁶ Muhamad bin Yazid, t.t. sunan ibnu majah, Darul al fikri, Beirut, juz 2, h 1244. Abu Abdul Rahman bin Shuib, 1991. Sunan an-Nasai, daru al kutub al imiah, Beirut, juz 6, h, 178.

¹⁷ Sulaiman ibn Ahmad At-Tabarani , 1985. al-Mu`jam al-Sagir, al maktabah al islami, darul amar, Beirut, juz , h 296.

¹⁸ Muhamad Mahmud Hijazi, t.t. Tafsir Al Wadhih, Darul Al Jaili Al Jaded, juz 3, h 711.

¹⁹ Muhamad Ali Al Sabuni, t.t. Safwatul tafasir, t.c, juz 3, h 377.

Jadual Analisis Hadis

Bil	Dikeluar oleh	Kitab	Kedudukan hadis	Bab	Nombor hadis	Juzuk	Halaman
1	Al Tirmizi	Sunan Al Tirmizi	Hasan ngarib	9	۲۸۹۰	۵	۱۴
2	Al Thabarani	Mukjam Al Kabir	-	۳	۱۲۶۳۰	۱۰	۳۱۹
3	Al Baihaqi	Syakbu Iman	dhaif	-	۲۵۱۰	۲	۴۹۵
4	Al Subki	Al Manhal Al Azbu Al Maurud Syarah Abu Daud	sahih Isnad	-	-	۸	۱۹
5	Ahmad Bin Abdulah Al Asbahani	Huliyatul Auliyak	Ngarib Marfuk	-	-	۳	۸۱

Hadis Yang Kedua

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ سُورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّىْ
غَفَرَ لَهُ ، وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ .

Jadual Analisis Hadis

Bil	Dikeluar oleh	Kitab	Kedudukan hadis	Bab	Nombor hadis	Juzuk	Halaman
1	Al Tirmizi	Al Jamik Al Sahih Sunan Termizi	Hasan Ngarib	9	2891	5	14
2	Ahmad Ibnu Hambal	Musnat Ahmad	Hasan Li Ngairi	-	7975	13	353
3	Ibnu Majah	Sunan Ibnu Majah	Sahih	52	3786	۲	۱۲۴۴
4	Al Hakim	Al Mustadrak Ala Sahihain	Hadis Sahih Isnad	-	2075	1	753
5	Ibnu Hajar Asqalani	Al Naktu Ala Kitab Ibnu Salah	Sahih	-	-	2	770

Hadis Yang Ketiga

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : هِيَ الْمَانِعَةُ هِيَ الْمُنْجِيَةُ تُنْجِيهُ مِنْ عَذَابِ الْفَقِيرِ .

Jadual Analisis

Bil	Dikeluar oleh	Kitab	Kedudukan hadis	Bab	Nombor hadis	Juzuk	Halaman
1	Al Tarmizi	Al Jamik Al Sahih Sunan Termizi	Hasan Gharib	9	2890	5	164
2	Al Thabarani	Mukjam Al Kabir	-	٣	12630	١٠	٣١٨
3	Al Subki	Al Manhal Al Azbu Al Maurud Syarah Abu Daud	Hasan Isnat	-	-	٨	١٩
4	Al Hakim	Al Mustadrak	Sahih Isnad Di Sisi Imam Zahabi Juga Sahih	Tafsir Surah Al Mulk	٣٨٣٩	2	540

Hadis Yang Keempat

قال النبي صلى الله عليه وسلم قال: سورة تبارك هي المانعة من عذاب القبر

Jadual Analisis Hadis

Bil	Dikeluar oleh	Kitab	Kedudukan	Bab	Numb er hadis	Juzu k	halama n
1	Al Baihaqin	Sunan Al Sangir	-	Taksis Surah Al Mulk Bzikri	٧٥٤	1	343
2	Al Jalaludin Al Sayuti	Al Siraju Al Munir Fi Tartib Al Hadis Al Sahih Al Jamik Al Sangir	Sahih	-	7865	2	1259
3	Al Manawi	Al Taisir Bisyarhi Al Jamik Al Sangir	Isnad Hasan	-	-	2	١٢٢
4	Ibnu Hajar Asqalani	Al Mathalibu Al Aliyah Bizawaidi Al Masanid Al Samaniyah	Sahih	56	-	١٥	377

PENUTUP

Berdasarkan penjelasan yang diulas oleh penulis mengenai Analisis Hadis Berkaitan Nama Lain Bagi Surah Al-Mulk ini, dapatlah dirumuskan dari sudut nama itu ialah ada beberapa nama seperti nama “*al mulk, tabarak, al-munjiyah, al-mani‘ah*, dan beberapa nama lagi yang disebut oleh para ulama. Dan terdapat pula di sini nisbah martabat hadis itu seperti *hadis saih, saih sanad, hasan, hasan gharib, gharib marfuk, dhaif*. Walau bagaimanapun kita tidak boleh menafikan atau menolak terus hadis kerana yang menjadi tiada sahih itu ialah perawi hadis sahaja. Dalam ilmu *mustalah* hadis bahagian hadis itu terbahagi kepada tiga jenis sahaja iaitu sahih, hasan, dan *dhaif*²⁰ Maka berkata shaikh hasan dalam kitabnya “di kehendaki hukum di atas dengan sahih atau *dhaif* sungguhnya zahir bagi ulama hadis melihat kepada zahir *isnad* dan tiada ingkar masalah sahih diri hadis sendiri”²¹. Kadang kala di sisi ulama hadis tiada guna sesetengah hadis tetapi di sisi sesetengah ulama hanya dengan hadis *dhaif* seperti ulama *tasauf* contoh hadis awal tuhan menciptakan makhluk ialah nur Muhammad dan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Awal awal Allah SWT menciptakan makhluk ialah nur aku²².

Selepas membuat kajian terhadap hadis di atas maka dapat memberi penjelasan terhadap kedudukan martabat hadis kepada pelajar-pelajar dan orang awam supaya tidak menjadi kekeliruan terhadap hadis tersebut khusus dalam hadis Berkaitan Nama Lain Bagi Surah Al-Mulk.

RUJUKAN

- Abas Awad Awadallah Abas. (2007). Muhadharat Fi Tafsir Maudhu'i. Darul Fikru.
- Abd Al-Hayy Al-Farmawi. (1968). Mu'jam Al-Alfaz Wa Al-A'lam Al-Qur'aniyah. Dar Al-Ulum, Kairo.
- Abdul Qadir Muhamad Mansur, (2002). Mausu'ah Ulum Al-Quran, Darul Al Qalam Al Arabi.
- Abu Abdul Rahman Bin Shuibr, (1991). Sunan An-Nasai, Daru Al Kutub Al Imiah, Beirut.
- Adnan, Taufik. (2005). Rekonstruksi Sejarah Al-Qur'an, Jakarta Putaka Al-Vabet.
- Ahmad Bin Ali Al-Razi Al-Jassas, 1405h. Ahkam Al-Quran, Daru Ihyat Al Turas Al Arab, Beirut.
- Ahmad Soleh Sakni. (2013). Model Pendekatan Tafsir Dalam Kajian Islam. Jurnal Ilmu Agama Mengkaji Doktrin, Pemikiran, Dan Fenomena Agama. Fakultas Ushuluddin Dan Pemikiran Islam Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang.
- Al Kunwi Abdul Al Haiyu, T.T. Al Asar Al Marfuah Fi Al Akbar Al Marfuah, Darul Al Kutub Al Ilmiyah.
- Hasan Muhammad Masyat, (1951). Al Takrirat Al Saniah Fi Hal Al Alfaz Al Manzumzh Al Baiquniyah, Mustafa Al Babi Al Halabi.
- Ismail Hakki Bin Mustafa, T.T. Tafsir Ruhu Al Bayan, Darul Ihyat Al Turas.
- Jalaluddin As-Suyuti, (1974). Al-Itqan Fi 'Ulum Al-Qur'an, Al Haiah Al Am'mah Al Misriah Lilkutub.
- Manak Al-Qutan, (2000). Mabahis Fi Ulum Al Quran, Maktabah Lilma'rif Linasyar Watauzik.
- Muhammad Ibn Mukarram. T.T. Lisan Al-'Arab. Dar Al-Sadir.
- Muhammad Ali Al Sabuni, T.T. Safwatul Tafasir, T.C.

²⁰ Hasan muhammad masyat,1951. Al takrirat al saniah fi hal al alfaz al manzumzah al baiquniyah, mustafa al babi al halabi, h 5.

²¹ Ibid.h 7.

²² Al kunwi abdul al haiyu, t.t. al asar al marfuah fi al akbar al marfuah, darul al kutub al ilmiyah, Juz 1, h 43. Muhamad izuddin abdulatif, 2012. Syarah Masabih Al Sunnah Li al-Imam Nawawi, Idarah Al Sakafah Al Islamiah, juz 1 , h 114, Ismail Hakki Bin Mustafa, t.t. Tafsir Ruhu Al Bayan, Darul Ihyat Al Turas, juz 1, h 329.

- Muhamad Bin Ismail. 1987h. Al Jamik Al Sahih Al Muktar, Darul Ibnu Kasir, Al Yamamah, Beirut, Juz 1. H 226. Hadis N.
- Muhamad Bin Yazid, T.T. Sunan Ibnu Majah, Darul Al Fikri, Beirut.
- Muhamad Izuddin Abdulatif, (2012). Syarah Masabih Al Sunnah Li Lmam Nawawi, Idarah Al Sakafah Al Islamiah.
- Muhamad Mahmud Hijazi, T.T. Tafsir Al Wadhih, Darul Al Jaili Al Jaded.
- Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur.* (2000). Al-Tahrir Wal Al-Tanwir. Beirut, *Al-Muassasah Al-Tarhib Al-‘Arabi.*
- Mustafa Muslim, 1426h. Mabahis Fi Tafsir Al Mudhui, Dimas, Daru Al Qalam.
- Subhi Saleh, (2000). Mabahith Fi Ulum Al Quran, Daru Al Ilmi Lilmalayin.
- Sulaiman Ibn Ahmad At-Tabarani, (1985). Al-Mu`Jam Al-Sagir, Al Maktabah Al Islami, Darul Amar, Beirut.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, Jurnal Hadhari Special Edition, Universiti Kebangsaan Malaysia.